

08/02/1997

Naga batik tarik perhatian PM

MENARIK ... Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melihat naga yang diperbuat daripada kain batik sejurus tiba di The Mines Resort City, Sungai Besi, malam semalam. Beliau kemudian merasmikan The Mines Shopping Fair.

Turut hadir dalam majlis itu ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail dan Pengarah Urusan Kumpulan The Mines Resort dan Golf Club, Datuk Lee Kim Yew.

Siti Hasmah kemudian merasmikan The Unity Square sebagai simbolik kesatuan kaum di negara ini dan juga sempena sambutan hari raya berkembar, Aidilfitri dan Tahun Baru Cina.

(END)